



Sumber: **Berita Harian**

Bicara BH



(FOTO: HAZMATON SAADAH/SULAIMAN-BH)

Dari kiri: Kadir, Mohd Naim dan Suzana membincangkan isu gantung tak bertali pada program Bicara BH yang disiarkan secara digital menerusi BH TV dan BH Online, baru-baru ini.

Malu status janda, rela digantung tidak bertali

● Cerai elak zalim, bukan pisahkan hubungan anak dengan ibu bapa

Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Malu status janda, anak putus hubungan dengan bapa, antara punca wanita yang diabai suami rela digantung tidak bertali.

Situasi ini banyak berlaku dalam kalangan suri rumah yang ditinggalkan suami tanpa perceraian sah. Mereka sanggup memikul tanggungjawab menjadi ketua keluarga dan mencari nafkah untuk menyara anak sendiri.

Suami sebagai ketua keluarga perlu sentiasa memastikan isteri mendapat hak sewajarnya dengan menerima layanan dan kasih sayang sepenuhnya sepanjang melayari bahtera perkahwinan mereka.

Sebarang bentuk kezaliman dan ketidakadilan perlu dihindari dan dihapuskan untuk memastikan perkahwinan yang dibina bukan saja berkekalan tetapi menepati matlamat dan tujuannya.

Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Datuk

Dr Mohd Naim Mokhtar, berkata Islam menetapkan matlamat dan tujuan perkahwinan adalah untuk membolehkan suami isteri mencapai bukan sahaja ketenangan malah kasih sayang dan rahmat berpanjangan bersama pasangan masing-masing.

Isteri perlu ada pengetahuan lengkap

Sehubungan itu, katanya, perkahwinan perlu dilengkapi dengan pengetahuan supaya suami dan isteri mengenai hak serta tanggungjawab masing-masing yang diperlu ditunaikan.

"Ini termasuk tanggungjawab suami dalam memberi kasih sayang, nafkah dan mendidik isterinya dengan cara baik."

"Kegagalan suami untuk menjalankan tanggungjawabnya akan menyebabkan isteri hidup dalam penganiayaan dan kezaliman."

"Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab isteri juga memahami hak mereka dengan melengkapkan pengetahuan diri mengenai tanggungjawab serta hak yang perlu ditunaikan suami kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

membicarakan tajuk 'Gantung Tak Bertali, Di mana Silapnya?' yang disiarkan menerusi segmen Bicara BH yang disiarkan secara digital menerusi BH TV dan BH Online, baru-baru ini.

Turut menjadi panel perbincangan itu adalah Perunding Psikologi dan Guaman Syarie, Suzana Ghazali, yang mengupas lebih mendalam isu wanita ditinggalkan tanpa diceraikan selain persoalan nafkah.

Isteri perlu pertahankan hak

Mohd Naim berkata, sebarang bentuk penganiayaan atau kezaliman yang berlaku terhadap isteri tidak sepatutnya terus diabaikan, sebaliknya isteri perlu bertindak untuk mempertahankan hak mereka walaupun kadangkala sehingga menuntut perkahwinan itu berakhir.

"Bagaimana isteri mendapatkan ketenangan kalau setiap hari dipukul atau dimaki, selain terpaksa keluar mencari nafkah sendiri tanpa dibantu suami? Ini adalah kezaliman dan seorang isteri yang tahu haknya perlu menghindarkan perkara ini atau menghapuskan penganiayaan berterusan

daripada terus berlaku."

"Jika dari awal mereka tahu hak masing-masing, si isteri tentu akan mengambil tindakan dengan memfailkan segala bentuk kezaliman dan penganiayaan suami ke mahkamah," katanya.

Beliau menegaskan tindakan berkenaan bukan bertujuan mengalakkan perceraian, tetapi lebih utama adalah untuk menghalang kezaliman terhadap wanita atau isteri.

Sementara itu, Suzana berkata, isteri yang teraniaya atau dizalimi suami perlu mengelak taboo dalam masyarakat iaitu takut untuk merujuk masalah yang dihadapi mereka ke pihak berkuasa.

"Masih ramai wanita atau isteri berasa bimbang apabila merujuk kes mereka ke pejabat agama akan timbul rasa malu kepada masyarakat sekeliling bahawa rumah tangga mereka sedang dilanda masalah."

"Akibatnya, mereka lebih rela memendam rasa dan hidup dalam masalah daripada mengambil jalan penyelesaian ke mahkamah sedangkan mereka berhak untuk keluar dari semua

Menjadi tanggungjawab isteri juga memahami hak mereka dengan melengkapkan pengetahuan diri mengenai tanggungjawab serta hak yang perlu ditunaikan suami kepada mereka"

Mohd Naim Mokhtar,
Ketua Hakim Syarie Jabatan
Kehakiman Syariah Selangor

Mereka perlu membuang sikap tidak apa kerana takutkan anak kehilangan bapa selain bimbang dengan gelaran janda kerana lebih penting adalah untuk mengelakkan kezaliman yang berlaku terhadap mereka sendiri"

Suzana Ghazali,
Perunding Psikologi dan Guaman
Syarie

kezaliman dan penganiayaan itu," katanya.

Beliau berkata, dalam kes tertentu ada wanita yang membiarkan diri mereka dalam keadaan digantung tak bertali oleh suami kerana ingin mempertahankan nasib dan masa depan anak.

Bertahan demi anak

Katanya, jika perkahwinan yang dilalui mereka lebih banyak mengundang penganiayaan emosi dan fizikal, isteri seharusnya perlu bertindak bukan atas dasar untuk berceraai, tetapi memastikan kezaliman tidak berlaku secara berterusan.

"Jika bertahan demi anak wanita sepatutnya faham bahawa perceraian yang berlaku hanya memisahkan mereka sebagai suami isteri, tetapi tidak memisahkan hubungan antara anak dengan ibu dan bapa."

"Sehubungan itu, mereka perlu membuang sikap tidak apa kerana takutkan anak kehilangan bapa selain bimbang dengan gelaran janda kerana lebih penting adalah untuk mengelakkan kezaliman yang berlaku terhadap mereka sendiri," katanya.